

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : (2) dlm. KKM-55/BPF/104/008/01 Jld. 2

Tarikh : 11 Mac 2009

Pengarah

Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK)

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)

Jabatan Kesihatan Negeri / Wilayah Persekutuan _____

Ketua Pegawai Farmasi

Hospital Kuala Lumpur

Pengurus Farmasi

Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) / Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) / Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM)

Tuan/Puan,

PEKELILING PENGURUSAN FARMASI BIL. 3/2009

PENEMPATAN PEGAWAI FARMASI LATIHAN SISWAZAH (PRP)

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Semua Pegawai Farmasi yang sedang menjalani Latihan Siswazah (PRP) di semua institusi/negeri yang tersenarai dalam **Jadual Kedua Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951** adalah **tidak dibenarkan** membuat sebarang pertukaran penempatan kerana ianya akan menjejaskan latihan dan penyediaan laporan Buku Log pegawai. Penempatan yang dibuat adalah mengambil kira kepentingan perkhidmatan dan faktor-faktor lain yang wajar.


3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan/puan diminta memaklumkan kepada semua Pegawai Farmasi Latihan Siswazah (PRP) bahawa permohonan pertukaran penempatan perlulah **melalui saluran yang tertentu** dan boleh dibuat melalui proses **Permohonan Penempatan Selepas Tamat Latihan Siswazah** (Borang permohonan diisi 2 bulan sebelum tamat latihan) untuk dipertimbangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penempatan/Pertukaran Pegawai Farmasi.

4. Saya memohon kerjasama tuan/puan untuk mengedarkan maklumat ini kepada semua pegawai berkenaan agar mereka mengambil perhatian mengenai perkara di atas.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(EISAH BINTI A. RAHMAN)

Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k

- 1) Fail Penempatan Baru Anggota Pegawai Farmasi Provisional:
KKM-55/BPF/302/004/08
- 2) Float

✉ mohdshahril_mn@moh.gov.my
☎ +603 - 7841 3257
☎ +603 - 7968 2222